

BAB I

BAB SATU

PENGENALAN

1.1. LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tentang tahap penguasaan pelajar-pelajar Melayu dalam membaca dan menulis Jawi. Kajian ini juga merupakan suatu usaha untuk mencari punca-punca dan permasalahan yang di hadapi oleh pelajar-pelajar Melayu yang menyebabkan mereka sukar untuk menguasai tulisan pusaka turun-temurun yang berharga ini.

Penulis merasa terpenggil untuk membuat kajian dalam tajuk ini memandangkan betapa terpinggirnya tulisan Jawi ini dari dada pelajar-pelajar Melayu dewasa ini. Ini dapat jelas kita perhatikan melalui kadar penurunan mereka yang membeli akhbar-akhbar Jawi begitu juga buku-buku yang ditulis dengan tulisan Jawi. Kesempatan yang ada ini akan penulis gunakan untuk meneliti dan mengkaji tentang hubungkaitnya pembacaan dan penulisan Jawi ini dengan penguasaan pembacaan al-Quran.

Menerusi kajian ini penulis akan cuba mengkaji beberapa perubahan-perubahan yang dialami oleh tulisan Jawi itu sendiri semenjak ianya diperkenalkan di alam Melayu ini sehinggalah penggunaannya di zaman sekarang yang kebanyakannya telah diubah kaedah ejaannya bagi mengelakkan beberapa kekeliruan yang mungkin berlaku dalam ejaan lama. Namun demikian sejauh mana ianya diikuti perkembangannya oleh pelajar-pelajar Melayu ataupun ianya hanya dibicarakan oleh golongan-golongan tua sahaja.

Walaupun kajian ini berkisar dikalangan pelajar Melayu di UiTM Kampus Machang sahaja namun ianya secara umum mewakili persoalan pelajar Melayu di Malaysia.

1.2. KEPENTINGAN KAJIAN

Menerusi kajian ini ianya dapat memberikan suatu gambaran umum yang menjelaskan tentang tahap penguasaan pelajar-pelajar Melayu masa kini dalam menulis dan membaca tulisan Jawi. Di samping itu ianya dapat membuktikan betapa hubungkaitnya kemahiran tulisan Jawi ini dapat membantu pelajar dalam menguasai pembacaan al-Qu'ran. Tulisan Jawi juga perlu dipelajari dan dikaji untuk membantu pengkaji-pengkaji dalam mendalami ilmu-ilmu agama kerana kebanyakan rujukan asalnya ditulis dengan tulisan Jawi.

Selain dari itu jika kita ingin mengkaji kesusasteraan, kebudayaan, sejarah dan tamadun masyarakat Melayu maka kita mestilah merujuk kepada bahan-bahan tulisan atau manuskrip lama. Kebanyakan manuskrip itu adalah masih lagi tertulis dengan tulisan Jawi. Seseorang pengkaji tidak mampu menghasilkan kajian yang bermutu sekiranya beliau tidak mahir dalam Jawi.

Kajian ilmiah ini juga merupakan hasil kerja amat penting bagi penulis memandangkan kedudukannya sebagai salah seorang pengajar bahasa al-Qur'an di institusi tersebut. Mudah-mudahan ianya dapat dimanfaatkan bagi

mempertahankan keunggulan tulisan Jawi ini dan memeliharanya dari terus hilang dimamah arus pemodenan dan teknologi canggih.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Di antara objektif kajian ini dapatlah disimpulkan kepada perkara – perkara di bawah:-

1. Mengkaji dan menyelidik tentang penguasaan pelajar-pelajar Melayu dalam membaca dan menulis Jawi dan sejauh manakah ianya digunakan dalam kehidupan seharian mereka.
2. Mengkaji beberapa perubahan kaedah penulisan Jawi masa kini berbanding dengan kaedah penulisan zaman awal ianya diperkenalkan.
3. Membuat hubungkait antara penguasaan Jawi dan kemahiran membaca al-Qur'an.
4. Mengkaji faktor-faktor kelemahan generasi pelajar masa kini dalam menguasai tulisan Jawi.
5. Memberikan penerangan kepada masyarakat tentang peri pentingnya pemeliharaan tulisan Jawi ini dari terus pupus dan mati tanpa bernisan.
6. Mendedahkan punca-punca mengapa tulisan Jawi tidak diminati oleh golongan pelajar.

1.4. KAJIAN LEPAS BERKAITAN

Walaupun Jawi sudah menjadi tulisan yang luas penggunaannya semenjak zaman awal penerimaan Islam di tanah Melayu , namun kita dapati tiada rekod yang menunjukkan bahawa ada orang Melayu yang mengkajinya kecuali pada zaman abad terakhir ini terutama oleh pendita Za'ba (lihat Kang Keung Seuck 1990: XXV). Pendita Za,ba telah mengkaji ejaan Jawi secara mendalam dengan mengumpulkan kata-kata Melayu sejak tahun 1918 dengan harapan dapat mewujudkan satu daftar kata Melayu dalam tulisan Jawi beserta dengan padanan ejaan Rumi dan seterusnya disusun menjadi sebuah kamus yang lengkap. Hasil dari itu telah terhasil sebuah buku bernama “ Daftar Ejaan Melayu: Jawi –Rumi” pada tahun 1938 dan diterbitkan tahun 1949 (Lihat Za'ba : 1949).Buku ini dianggap sebagai hasil kajian Za'ba yang cukup baik bahkan sehingga hari ini ejaannya masih tetap boleh digunakan walaupun dengan sedikit pindaan dan perubahan.

Sebenarnya sebelum terbitnya buku tersebut telah diterbitkan buku panduan ejaan pada tahun 1937 oleh Pakatan dengan kata-kata “ Suatu pedoman bagaimana kaedah hejaan yang diguna oleh P.Bm.P.B.¹ Diraja bagi Johor serta diucapkan mudah-mudahan yang demikian itu menggalakkan setengah daripada penulis-penulis Melayu kepayahan hejaan bagi sementara mendatangkan kepada persatuan hejaan bagi seluruh tanah besar Melayu” (Lihat pendahuluan “Panduan bagi Hejaan P.Bm.P.B. Diraja”) . Walaupun pedoman ejaan Jawi Pakatan itu

¹ Ringkasan bagi Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku

tidak begitu sempurna tetapi ianya dapat dijadikan penggerak untuk membentuk sistem ejaan Jawi yang lebih sempurna sebagaimana yang dilakukan oleh Za'ba .

Pengkaji ejaan Jawi yang ramai ialah dari barat dan mereka telah mengkajinya untuk mengetahui bahasa Melayu dan kesusateraanannya . Di antara pengkaji barat yang boleh disebutkan di sini ialah William Marsden penulis buku “ A Dictionary And Grammer of The Malayan Language “ . Dalam kamus ini penulis telah menemui huruf (ڤ) yang mana ianya sudah tidak lagi digunakan dalam tulisan jawi moden . Selain itu Wilkison seorang jaguh orientalis yang bekerja di tanah Melayu semasa di bawah jajahan Inggeris telah menulis buku “ A Classic Jawi – Malay – English Dictionary” pada tahun 1903 dan lain-lain lagu .

Dari timur pula kita dapati seorang sarjana bahasa Melayu dari Korea iaitu Kang Keung Seuck telah membuat kajian tentang perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu .Kajian itu sebenarnya merupakan tesis Sarjana beliau dalam bidang sastera Melayu di Universiti Malaya .

Di era tahun 90 an ramai sarjana-sarjana Melayu yang mengkaji sejarah perkembangan Jawi samada dari segi tulisan , ejaan dan sebagainya . Di antaranya ialah Amat Juhari Moain seorang profesor dari fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia telah menulis sebuah buku mengenai sejarah tulisan Jawi sejak dari mula ditemui sehinggalah kepada penggunaannya sekarang.

1.5. HIPOTESIS KAJIAN

Sepanjang pengalaman penulis mengajar di UiTM Kampus Machang , mendapati bahawa penguasaan tulisan Jawi di kalangan pelajar-pelajar Melayu yang sedang menuntut di situ berada di tahap yang agak lemah lebih-lebih lagi dari sudut kemahiran menulis . Penulis ingin memaparkan di sini beberapa hipotesis yang dibuat iaitu :-

- Pelajar-pelajar UiTM yang mahir membaca Jawi biasanya mahir membaca al-qur'an
- Kekeliruan dengan sistem ejaan Jawi menyebabkan pelajar lemah Jawi .
- Pelajar dari luar bandar lebih mahir dalam menguasai tulisan Jawi berbanding pelajar bandar

Ini adalah berasaskan pengamatan penulis dan ianya sebagai pendorong yang kuat untuk mengkaji bagi mengukur sejauh mana ketepatan kenyataan ini.

1.6.SKOP KAJIAN

Kajian ilmiah ini dijalankan di Universiti Teknologi Mara Kampus Machang di Machang Kelantan. Ini memandangkan penulis merupakan salah seorang tenaga pengajar bahasa al-Qur'an di universiti tersebut dan sehingga kini penulis masih lagi mengajar di situ. Faktor ini diharapkan dapat membantu penulis dan dapat memberi kelebihan kepadanya memandangkan responden-responden dalam kajian ini adalah merupakan pelajar beliau. Sumber yang tepat, menyeluruh dan

disamping menjimatkan masa dan kos adalah merupakan kriteria pemilihan institusi tersebut menjadi lokasi kajian.

Universiti Teknologi Mara(UiTM) Kampus Machang merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang unik dimana majoriti pelajarinya adalah dikalangan pelajar Melayu yang beragama Islam. Di tambah lagi pelajaran bahasa al-Qur'an yang menjadi subjek elektif bagi pelajar peringkat diploma dan subjek wajib bagi pelajar peringkat ijazah telah menarik perhatian penulis untuk mengkaji. Pengalaman selama lebih kurang empat tahun bergelumang dengan pelajar-pelajar yang terdiri dari berbagai latarbelakang pendidikan , dari pelajar yang mahir membaca Jawi sehinggalah kepada pelajar yang tidak mengenal langsung huruf Jawi telah sedikit sebanyak membantu penulis dalam kajian ilmiahnya.

Kelemahan yang amat ketara di kalangan pelajar Melayu dalam menguasai tulisan Jawi ini telah mendorong penulis untuk mengkaji fenomena yang wujud seterusnya mengajak mereka dan masyarakat amnya agar sama-sama berganding bahu memelihara kedaulatan tulisan ini .

1.7. METODOLOGI KAJIAN.

Metodologi adalah merupakan sesuatu yang penting dalam pengkajian ilmu supaya kajian itu lebih bermutu tinggi. Bagi menghasilkan kajian yang bermutu tinggi, penulis telah memilih beberapa teknik penyelidikan yang dirasakan sesuai untuk memudahkannya memperolehi data-data. Teknik penyelidikan itu merangkumi:

1.7.1. Penyelidikan perpustakaan.

1.7.2. Penyelidikan lapangan

2

1.7.1. Penyelidikan perpustakaan

Penyelidikan ini adalah kaedah yang pertama bagi penulis membuat kajian. Banyak data penyelidikan diperolehi dari perpustakaan di sekitar negeri Kelantan, antaranya:

- Perpustakaan UiTM Kampus Machang.
- Perpustakaan UM Cawangan Nilam Puri.
- Perpustakaan Awam Negeri Kelantan.
- Perpustakaan Awam Pasir Mas.

Di antara bahan-bahan rujukan penting yang digunakan ialah:

- a) *The Oldest Known Malay Manuscript : A 16 th Century Malay Translation of The 'Aqā'id of al-Nasafi* oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Secara ringkasnya buku ini membicarakan mengenai manuskrip Melayu yang terawal yang ditemui iaitu terjemahan kepada 'aqā'id al-Nasafi ke dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi .
- b) *The Correct Date of the Terengganu Inscription* , oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas yang membicarakan tentang penemuan prasasti pertama yang ditulis dengan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu yang mengandungi undang-undang Islam yang diamalkan oleh penduduk di Trengganu masa itu .Kedua-

dua sumber ini menjadi sumber asas kepada pengkajian penulis mengenai sejarah perkembangan tulisan dan ejaan Jawi sejak dari peringkat ianya dipengaruhi oleh unsur-unsur Arab sehinggalah ianya mencapai peringkat yang digunakan sekarang.

- c) ***Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*** oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas . Buku ini banyak membicarakan mengenai pengaruh Islam terhadap kebudayaan Melayu dan disentuh juga di dalamnya huruf-huruf Arab yang dipakai dan huruf-huruf tambahan yang diambil dari bahasa Arab Farsi .
- d) ***Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*** ,oleh Kang Keung Seuck .Buku ini menerangkan proses-proses perkembangan tulisan Jawi dari tahap pertama yang bersifat unsur Arab hingga ke tahap yang terakhir bersifat unsur Melayu . Dengan memahami proses ini sahaja penulis dapat membaca bermacam-macam manuskrip lama ataupun apa jua bahan-bahan yang bertulis Jawi .
- e) ***Perancangan Bahasa : Sejarah Askara Jawi*** , oleh Amat Juhari Moain . Buku ini membahaskan sejarah Jawi di Alam Melayu yang berasal dari tulisan Arab sehinggalah tulisan Jawi menjadi media persuratan Melayu dan Agama Islam . Selain itu , buku ini juga membahaskan mengenai beberapa manuskrip Melayu , kitab-kitab kuning sehinggalah penggunaannya sebagai hiasan di dinding-dinding masjid dan surau .

Selain dari rujukan – rujukan yang diberikan di atas penulis juga merujuk kepada artikel-artikel dalam majalah –majalah dan kertas-kertas kerja seminar-seminar yang berkaitan .

1.7.2. Penyelidikan Lapangan.

Penulis telah memilih UiTM Kampus Machang sebagai lokasi subjek penyelidikan utama dalam rangka kajian ini. Bagi melengkapkan penyelidikan dan mendapat maklumat atau data yang diperlukan , penulis telah menggunakan beberapa metode penyelidikan, antaranya:

1.7.2.1. Metode penentuan Subjek

1.7.2.2. Metode Pengumpulan Data

1.7.2.3. Metode Analisa Data

1.7.2.1. Metode Penentuan Subjek.

Dalam pemilihan subjek, penulis telah memilih pelajar-pelajar dari setiap tahap dan bidang pengajian secara rawak yang terdiri dari pelajar-pelajar tahap ijazah dan diploma dari bidang pengajian Pengurusan Perniagaan, Perkaunan, Pengurusan Bank dan Seni Lukis dan Seni Reka. Pengkhususan yang akan difokuskan adalah dari segi kemahiran membaca dan menulis dalam tulisan Jawi.

1.7.2.2. Metode Pengumpulan Data

Bagi memperoleh data dan fakta yang diperlukan , penulis telah menggunakan beberapa teknik seperti di bawah ini:

- i. Metode historis
- ii. Metode observasi
- iii. Metode dokumentasi
- iv. Metode interview
- v. Metode soal- selidik

i. Metode Historis

Penulis menggunakan metode ini untuk mencari data-data yang ada kaitan dengan nilai-nilai sejarah. Proses ini merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang betul tentang kajian ini. Oleh kerana proses ini merupakan proses yang agak rumit maka penulis telah menggunakan sumber-sumber yang berautoriti yang terdiri daripada kitab-kitab, buku-buku, akhbar-akhbar dan juga majalah-majalah.

ii. Metode observasi

Metode observasi atau disebut juga sebagai metode pemerhatian akan digunakan oleh penulis dengan memerhatikan tapak subjek dan melakukan pengamatan secara langsung. Tempat-empat yang dijadikan fokus pemerhatian ialah seperti perpustakaan UiTM, ruang legar bangunan tempat di mana pelajar berkunjung untuk membaca akhbar-akhbar atau berehat sambil membaca majalah-majalah, bilik rehat asrama siswa dan lain-lain. Proses ini begitu penting dalam kajian ilmiah ini kerana ianya

akan menjadikan perbincangan tentang tajuk ini lebih bersifat realistik dan semasa.

iii. Metode Interview

Penulis menggunakan metode interview atau wawancara untuk mendapatkan keterangan dan penelitian secara lisan dari responden-responden yang dipilih secara rawak. Oleh kerana bilangan pelajar-pelajar UiTM Kampus Machang terlalu ramai dan dari bidang pengajian yang berlainan maka penulis terpaksa memilih dari setiap bidang beberapa orang pelajar yang mewakili bidang pengajian mereka. Interview ini akan membantu penulis mendapatkan data untuk:-

- a) Mendapatkan maklumat mengenai penguasaan responden dalam membaca dan menulis Jawi.
- b) Memperolehi maklumat lanjut mengenai permasalahan yang mereka hadapi dalam menguasai tulisan Jawi.
- c) Menentukan titik kekuatan dan kelemahan mereka dalam menguasai tulisan Jawi.
- d) Membuat suatu hubungkait antara penguasaan tulisan Jawi dengan kemahiran mereka dalam membaca al-Qur'an.

iv. Metode Dokumentasi

Dokumen merupakan suatu benda yang tertulis yang dapat memberi maklumat bagi subjek kajian. Penulis akan menggunakan metode ini untuk

membuat kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan persoalan yang dikaji seperti buku-buku ilmiah, majalah-majalah, akhbar-akhbar dan sumber-sumber lain.

Suatu perkara yang menjadi perhatian penting dalam metode ini ialah sumber-sumber yang akan digunakan oleh penulis merupakan sumber yang berautoriti dan bersifat akademik demi menjamin suatu hasil kajian yang bermutu.

v. Metode Soal Selidik.

Metode soal selidik ini juga tidak kurang pentingnya untuk mendapatkan maklumat dari responden. Penulis memperuntukkan 200 set borang soal selidik untuk diberikan kepada wakil setiap bidang pengajian. Bidang-bidang pengajian seperti berikut:-

1. Peringkat diploma

- Diploma Pengajian Perniagaan
- Diploma Pengurusan Bank
- Diploma Perakaunan

2. Peringkat Ijazah

- Sarjan Muda Seni Lukis dan Senireka.
- Sarjana Muda Perakaunan(Kepujian)
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan
Kewangan (kepujian)

- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan pemasaran (Kepujian)

Setiap data-data yang diperolehi akan dianalisa untuk mendapatkan keputusan tentang subjek kajian. Penulis menggunakan program SPSS untuk mendapatkan keputusan kajian yang lebih tepat dan kemas.

1.7.2.3. Metode Analisa Data

Dalam penganalisaan data, penulis akan menggunakan metode induktif dan deduktif bagi menghasilkan suatu kajian yang bermutu. Metode induktif ialah satu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada bukti-bukti yang bersifat umum.

Penulis menggunakan metode ini dalam bab keempat dengan cara mengandaikan keputusan bagi beberapa pelajar yang mewakili bidang pengajian mereka sebagai sampel bagi keseluruhan pelajar dan secara kolektifnya menjadi suatu keputusan bagi keseluruhan pelajar Universiti Teknologi Mara Kampus Machang.

Metode deduktif pula merupakan salah satu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpegang kepada bukti-bukti yang bersifat umum kepada yang bersifat khusus. Penulis

menggunakan metode ini untuk membuat laporan penelitian data. Metode ini diaplikasikan dalam bab keempat.

2

1.8. DEFINISI TAJUK KAJIAN

Tajuk ini mengandungi tiga frasa penting yang perlu ditekankan dalam kajian yang dibuat . Frasa pertama ialah "*Penguasaan Tulisan Jawi*" bermaksud tahap penguasaan dan kemahiran menulis dan membaca Jawi di kalangan responden . Selain dari soalan – soalan borang soal selidik yang perlu dijawab oleh responden-responden , penulis juga menguji kemahiran pelajar membaca Jawi melalui ujian bacaan yang dijalankan bagi setiap responden . Bagi kemahiran menulis pula , penulis telah menyediakan satu teks Rumi dan diberikan kepada setiap responden untuk ditulis semula dalam tulisan Jawi.

Frasa kedua pula ialah "*Pelajar Melayu* " bermaksud pelajar-pelajar Melayu yang sedang menuntut secara sepenuh masa di Universiti Teknologi MARA yang terdiri dari pelbagai latarbelakang pendidikan dan disiplin pengajian yang berlainan . Penulis memilih beberapa orang wakil pelajar-pelajar bagi setiap tahun pengajian bagi menjamin keputusan kajian yang bersifat adil dan menyeluruh .

Frasa ketiga pula ialah "*UITM Cawangan Kelantan* " bermaksud Universiti Teknologi MARA yang terletak di Machang Kelantan Darul Naim . Unversiti tersebut merupakan cawangan bagi negeri Kelantan yang

mana sebelum ini berada di kampus sementara Kem Kijang , Kota Baharu

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa tajuk kajian bermaksud “ Satu kajian kepada tahap penguasaan atau kemahiran membaca dan menulis Jawi di kalangan pelajar-pelajar Melayu yang sedang belajar secara sepenuh masa di Universiti Teknologi MARA Kampus Machang Cawangan Kelantan “

1.9. SISTEMATIKA PENULISAN.

Kajian ilmiah ini dapat dibahagikan kepada enam bab untuk memudahkan penumpuan, ulasan dan penyampaian sesuatu idea. Bagi setiap bab ianya mengandungi skop perbincangan yang tertentu. Dalam ***bab satu*** diperbincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan:-

- a) Latarbelakang masalah
- b) Kepentingan kajian
- c) Objektif kajian
- d) Skop kajian
- e) Metodologi kajian
- f) Sistematika penulisan

Perbahasan ***bab kedua*** pula adalah ditumpukan tentang sejarah mula diperkenalkan tulisan Jawi dan hubungannya dengan kedatangan islam di alam Melayu. Dalam bab ini penulis membentangkan tentang beberapa perkembangan yang berlaku dalam kaedah penulisan tulisan

Jawi hingga sekarang. Penulis juga menyentuh sedikit mengenai peranan tulisan Jawi sebagai media persuratan Melayu dan peranannya dalam perkembangan Islam di Malaysia. Begitu juga dibincangkan dalam bab ini hubungan tulisan Jawi dengan pendidikan Islam di Malaysia. Bab ini diakhiri dengan perbincangan mengenai permasalahan yang dihadapi oleh tulisan Jawi sebagai langkah untuk mengenal pasti mengapa ianya semakin dipinggirkan dari masyarakat.

Dalam *bab ketiga* penulis akan membentangkan mengenai kedudukan tulisan Jawi di kalangan pelajar Melayu di UiTM Cawangan Kelantan. Sebagai langkah pendahuluan akan disentuh mengenai latarbelakang pembelajaran tulisan Jawi di kalangan pelajar Melayu dari peringkat sekolah rendah, menengah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Begitu juga disentuh dalam bab ini sedikit mengenai latarbelakang Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan yang menjadi tapak subjek kajian. Penulis akan membincangkan sejarah penubuhan, kursus-kursus pengajian yang disediakan dan lain-lain lagi yang berkaitan. Oleh kerana subjek tulisan Jawi tidak wujud dalam pengajian pelajar-pelajar di institusi tersebut maka penulis akan memberi penekanan kepada dua subjek yang ada kaitan secara tidak langsung dengan tulisan Jawi iaitu subjek bahasa Arab dan subjek seni khat Jawi. Tidak lupa juga akan dibincangkan dalam bab ini kedudukan tulisan Jawi di insitisi tersebut sehingga boleh menarik perhatian penulis untuk mengkaji dan usaha-usaha pihak universiti untuk memertabatkan tulisan Jawi di kalangan pelajarnya.

Menerusi *bab keempat* pula penulis akan mengemukakan hasil kajian yang telah dianalisa. Dalam bab ini penulis membentangkan perangkaan yang di dapati secara kolektif melalui borang kaji selidik dan membuat kesimpulan dengan mengaitkan pengaruh latarbelakang responden dalam menguasai tulisan Jawi. Begitu juga penulis akan membuat suatu hubungkait antara penguasaan tulisan Jawi dan kemampuan pelajar dalam membaca al-Qur'an. Di akhir penyelidikan data ini akan dikemukakan peratusan pelajar-pelajar yang mampu menguasai tulisan Jawi dari segi bacaan dan penulisan berbanding pelajar yang tidak mampu.

Dalam *bab kelima* penulis akan membuat rumusan kepada keseluruhan hasil kajian ini dan dapatan-dapatan yang diperolehi. Penulis juga akan menentukan titik kekuatan dan kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam menguasai tulisan Jawi disamping diberikan kepada saranan-saranan yang membina untuk mengatasi permasalahan ini. Bab ini di akhiri dengan penutup kepada keseluruhan hasil kajian.